

Z-Travel Takaful (International) Lite

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate the Z-Travel Takaful (International) Lite product. Be sure to also read the certificate wording terms and conditions.)

1. What is this product about?

This product provides compensation in the event of injuries, disability or death caused by accident, medical expenses incurred as a result of accident or illness, travel inconvenience and travel assistance for your overseas journey. This product also provides optional compensations in the event you are infected with Covid-19.

There are four (4) different levels of cover types for you to choose from:

1. Type of trip – Single Trip, One Way Trip or Annual Trip;
2. Type of cover – Individual Cover, Individual & Spouse Cover, Family Cover or Senior Cover;
3. Type of plan – Basic Plan or VIP Plan; and
4. Area of travel – Area 1, Area 2 or Area 3.

2. What are the applicable Shariah concepts?

- **Takaful:** It means an arrangement based on mutual assistance under which Takaful Participants agree to contribute to General Takaful Fund (GTF), providing for mutual financial benefits payable to the Takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.
- **Wakalah:** It means a Shariah concept where an agent is appointed to undertake transactions on another person's behalf. In this Takaful contract, it shall mean that We, Zurich General Takaful Malaysia Berhad are appointed as a manager to manage the Takaful business on behalf of the Participant by charging an agreed Wakalah Fee.
- **Tabarru':** It means donation and in Takaful, it is the sum amount of money that participants willingly to contribute into the **GTF** for the purpose of cooperation among participants. It will be used to help the participants in the event of misfortunes.
- **Qard:** It means an interest-free loan provided by the takaful operator in the event of deficit in the **GTF**.
- **Hibah¹:** It is a gift contract that is adopted in surplus sharing. If there is a surplus sharing declared from the **GTF** at the end of financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on Hibah.

¹Only to those Participants who have not incurred any claim and/or not received any benefits payable under each type of cover under this certificate.

- **Conditional Hibah:** It is a conditional gift where the participant agrees to transfer his/her ownership of the Takaful benefits payable to the beneficiary(ies) upon the death of the Person Covered.
- **Ju'alah:** It is a commission (reward) for good performance in managing the **GTF** where the Takaful Operator shall be entitled to an incentive equal to 50% of any surplus sharing from the **GTF** after the end of each financial year.

3. What are the covers / benefits provided?

There are three (3) benefit sections in this Z-Travel Takaful (International) Lite product. Please refer to the Schedule of Benefits below.

Schedule of Benefits:

Schedule of Benefits:		Basic Plan	VIP Plan
Benefit	Benefit Description	Maximum Sum Covered (RM)	
Section A – Personal Accident and Medical Related Covers			
1	Accidental Death and Permanent Disablement (i) 30 days to 17 years old (ii) 18 years old to 85 years old	25,000 100,000	75,000 300,000
2	Medical Expenses (Up to)		
2A	Overseas Medical Expenses	100,000	300,000
2B	Overseas Dental Expenses	Included in 2A	Included in 2A
2C	Follow up Treatment in Malaysia	15,000	50,000
2D	Outpatient Treatment in Malaysia	Included in 2C	Included in 2C
3	Overseas Hospital Income (RM150 per day)	Up to 9,000	Up to 9,000
4	Emergency Medical Evacuation (Up to)	1,000,000	1,000,000
5	Medical Repatriation (Up to)		
6	Repatriation of Mortal Remains (Up to)		
Section B – Travel Inconvenience Covers			
7	Travel Cancellation (Up to)		
7A	Travel Cancellation	NA	20,000
7B	Travel Alteration	NA	20,000
8	Travel Curtailment (Up to)	NA	20,000
9	Travel Interruption (Up to)	NA	1,000
10	Travel Delay – more than 6 consecutive hours (RM150 for every 6 consecutive hours)	Overseas Up to 3,600 within Malaysia Up to 450	Overseas Up to 7,200 within Malaysia Up to 900
11	Baggage Delay – more than 6 consecutive hour (RM200 for every 6 consecutive hours)	Overseas Up to 800 within Malaysia Up to 200	Overseas Up to 1,600 within Malaysia Up to 400
12	Baggage & Personal Effects (Up to)	1,000	3,000

	<i>Sub-limit for Benefit 12:</i>		
	<i>(i) Any one (1) items or Pair or Set of Items</i>	100	300
	<i>(ii) Portable Personal Computers</i>	200	600
	<i>(iii) Baggage</i>	50	150
13	Personal Money and Travel Documents (Up to)	1,000	3,000
14	Personal Credit Card Theft (Up to)	1,000	3,000
15	Home Care Benefits (Up to)	NA	3,000
16	Rental Car Excess (Up to)		
16A	Car Excess	NA	3,000
16B	Car Return	NA	Included in 16A
17	Special Coverage		
	<i>(i) 30 days to 17 years old</i>	25,000	75,000
	<i>(ii) 18 years old to 85 years old</i>	100,000	300,000
18	Travel Assist	Included	Included
Section C – Covid-19 Benefits (optional)			
19	Travel Cancellation due to Covid-19 (Up to)	NA	20,000
20	Overseas Medical Expenses due to Covid-19 (Up to)	50,000	100,000
21	Death due to Covid-19	10,000	10,000

Note: Please refer to the certificate wording for full description of benefits, terms, conditions and exclusions under this product.

4. How much contribution do I need to make?

The contribution that you have to make varies depending on your travel duration and selection of cover types. Please refer to “Z-Travel Takaful (International) Lite Contribution Table Sheet”.

5. What are the fees and charges that I have to make?

<u>Type</u>	<u>Amount</u>
i. Wakalah Fees	: 43.5% of contribution of which:
- *Commission	: - 25% of contribution
- Management Expenses	: - 18.5% of contribution
ii. Stamp Duty (if applicable)	: RM 10.00

*Note: A rebate instead of commission of 25% of contribution is applicable if you participate directly with us.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure** - You must disclose all material facts such as your personal pursuits including your travel details which would affect the risk profile and number of travel certificate that you have participate from other takaful operators.
- **Contribution Method** - Contribution can be made by Cash, Cheque, Debit Card, Credit Card or Online Payment (whichever applicable) to us.
- **Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link**
<https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>
- **Consumer Takaful Contract** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this takaful). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of takaful is entered into, varied or renewed with us. In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this takaful), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this takaful) is inaccurate or has changed.
- **Non-Consumer Takaful Contract** - Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of takaful is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this takaful) is inaccurate or has changed.
- **Cash Before Cover** - It is fundamental and absolute special condition of this contract of takaful that the contribution due must be made and received by us before takaful cover is effective.
- **Claim Procedure** - Notification through a web notification: <https://web.edge.zurich.com.my/login> or written notice must be given within 14 days after the incident occurs.
- **Maximum Sum Covered** - The amount stated in the Schedule of Benefit is the maximum limit and sub-limit we will pay or reimburse in accordance to your cover type for each Person Covered.
If you have selected for:
 - Individual and Spouse Cover, we will, in total for all Person Covered, pay or reimburse up to a maximum of two-hundred percent (200%) of the limit and sub-limit stated in the Schedule of Benefit for each benefit, except for the following benefits, the limits remain as per person limit; and
 - Family Cover, we will, in total for all Person Covered, pay or reimburse up to a maximum of three-hundred percent (300%) of the limit and sub-limit stated in the Schedule of Benefit for each benefit, except for the following benefits, the limits remain as per person limit.

BENEFIT 1 - Accidental Death and Permanent Disablement
BENEFIT 3 - Overseas Hospital Income
BENEFIT 17 - Special Coverage

BENEFIT 21 – Death due to Covid-19

- **Maximum Travel Duration**
 - i. Single Trip – Each journey shall not exceed two hundred (200) consecutive days; and
 - ii. Annual Trip - Each journey shall not exceed one hundred (100) consecutive days.
- **Eligibility** - The following conditions must be satisfied in order for you to be qualified for coverage under this product:
 - 1. at the time of arranging the journey and/or participating this takaful, you must be medically fit to travel and none of you are aware of any circumstances which are likely to lead to any claims under your certificate;
 - 2. at the time of participating this takaful, none of you have already left Malaysia for any journeys meant to be covered by your certificate;
 - 3. the journey must be solely arranged for leisure and business travel purposes. However, if you have selected for Annual Trip, we shall exclude any journeys where you travel daily or more than four (4) times per month to the same neighboring country for employment or business purposes;
 - 4. at the time of participating this takaful and during the journey, you must be a Malaysian, or non-Malaysian who has a permanent resident status, valid work permit, valid student permit or Malaysia My Second Home (MM2H) status;
 - 5. the journey must commence from Malaysia;
 - 6. You must return to Malaysia at the end of your journey (not applicable to One-Way Trip); and
 - 7. age limits (all ages refer to the age of Your next birthday):
 - i. If you are covered under Individual Cover, Individual and Spouse Cover or Family Cover, you must be between thirty (30) days old to seventy (70) years old;
 - ii. If you are covered under Senior Cover, you must be between seventy-one (71) to eighty-five (85) years old;
 - iii. If you are the Child covered under Family Cover, you must be between thirty (30) days old to seventeen (17) years old, or twenty-three (23) years old if studying as a full-time student at the commencement of the journey; and
 - iv. If you are covered under Annual Trip, you must be between thirty (30) days old to seventy (70) years old. For Annual Trip, your certificate can be renewed up to eighty-five (85) years old.
- **Treatment of Small Amount** – Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to charity. However, if you decide otherwise, you are required to submit a formal request to us. We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to our Shariah Committee approval.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate wording for full list of terms and conditions under this product.

7. What are the major exclusions under this product?

This product does not cover:

- War or any act of War, declared or not;
- Your direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection;
- You, your travel companion's, family member's provoked murder or assault, intentional self-injury, suicide or attempted suicide while sane or insane;
- You, your travel companion's, family member's deliberate exposure to exceptional danger (except in an attempt to save human life);
- If one (1) of the reasons of your journey is to obtain overseas medical treatment, vaccination, medical check-up, care or advice regardless of whether this is the sole or main purpose of your journey;
- Pre-existing condition (not applicable to Benefit 6);
- Epidemic and/or pandemic (not applicable to Section C – Covid-19 Benefits);
- Act of terrorism (not applicable to Benefits 7, 8, 9, 10 and 17);
- An incident or circumstance of which you were aware of or could reasonably be expected to be aware of at the time of participating this takaful or booked your travel (whichever occurs last) and which could reasonably be expected to lead to a claim under your certificate;
- You do not take precaution to avoid a claim after there was a warning in the mass media of a strike, riot, bad weather or other circumstances;
- any circumstances that already existed or are known to the public before you book your travel; and
- mountaineering or any activity above three thousand (3,000) meters height (not applicable to Benefit 17);

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate wording for full list of exclusions under this product.

8. Can I cancel my certificate?

- i. Single Trip and One-Way Trip - no cancellation is allowed once the Certificate Schedule has been issued.
- ii. Annual Trip - the Certificate Holder may, at any time cancel the Certificate, in which case we will retain the customary short period rates for the time the Certificate has been in force, provided no claim has been or will be submitted by the Certificate Holder (please refer to the certificate wording for the short period rates).

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact detail/life profile including nomination and travel details which would affect your risk profile. You can write to us at the address below or email us at: callcentre@zurich.com.my.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about the product, please refer to the takaful info booklet that are available at all our branches or you can obtain a copy from the agent.

If you have any enquiries, please contact us at:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888
Email: callcentre@zurich.com.my

11. Other types of Travel Takaful available:

Please ask your agent / intermediary for other similar type of products offered by us.

IMPORTANT NOTE:

YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCALE OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR TAKAFUL CERTIFICATE. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE TRAVEL CERTIFICATE THAT YOU HAVE PARTICIPATED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 01 Mar 2025 until a revision is issued.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Note: In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981(1260157-U)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Z-Travel Takaful (International) Lite

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Z-Travel Takaful (International) Lite. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am kontrak sijil.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau penyakit, kesulitan perjalanan dan bantuan perjalanan bagi perjalanan luar negara anda. Produk ini juga menyediakan pilihan untuk pampasan sekiranya anda dijangkiti Covid-19.

Terdapat (4) tahap perlindungan yang berbeza yang boleh anda pilih:

1. Jenis perjalanan – Perjalanan Tunggal, Perjalanan Sehala atau Perjalanan Tahunan;
2. Jenis perlindungan – Perlindungan Individu, Perlindungan Individu & Pasangan, Perlindungan Keluarga atau Perlindungan Warga Emas;
3. Jenis pelan – Pelan Asas atau Pelan VIP; dan
4. Kawasan perjalanan – Kawasan 1, Kawasan 2 atau Kawasan 3.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** Ia bermaksud satu konsep saling membantu antara peserta Takaful yang bersetuju untuk memberi caruman kepada Dana Takaful Am (DTA) yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada peserta Takaful atau penerima manfaat mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** Ia bermaksud konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami, Zurich General Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.
- **Tabarru':** Ia bermaksud sumbangan dan dalam Takaful ia bermakna jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke DTA secara sukarela bagi tujuan kerjasama dalam kalangan peserta. Ia akan digunakan untuk membantu peserta-peserta yang ditimpa musibah.
- **Qard:** Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit terhadap DTA.
- **Hibah¹:** Ia bermaksud kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan. Sekiranya terdapat pengagihan lebihan yang diisytiharkan daripada DTA pada akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan akan dikongsi dengan Peserta yang layak berdasarkan kontrak Hibah.

¹Hanya untuk peserta yang tidak membuat tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil semasa ianya masih berkuatkuasa

- **Hibah Bersyarat:** Ia adalah kontrak hadiah bersyarat di mana peserta bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penerima manfaat apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia.
- **Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan DTA di mana pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian lebihan DTA pada akhir setiap tahun kewangan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Terdapat tiga (3) seksyen manfaat dalam produk Z-Travel Takaful (International) Lite. Sila rujuk kepada Jadual Manfaat di bawah.

Jadual Manfaat:

Manfaat		Pelan Asas	Pelan VIP
Manfaat	Keterangan Manfaat	Jumlah Maksimum Yang Diinsuranskan (RM)	
Seksyen A – Perlindungan Kemalangan Diri dan Perlindungan Berkaitan Perubatan			
1	Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (i) berumur 30 hari hingga 17 tahun (ii) berumur 18 tahun hingga 85 tahun	25,000 100,000	75,000 300,000
2	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)		
2A	Perbelanjaan Perubatan Luar Negara	100,000	300,000
2B	Perbelanjaan Pergigian Luar Negara	Termasuk dalam 2A	Termasuk dalam 2A
2C	Rawatan Susulan di Malaysia	15,000	50,000
2D	Rawatan Pesakit Luar di Malaysia	Termasuk dalam 2C	Termasuk dalam 2C
3	Pendapatan Hospital Luar Negara (RM150 sehari)	Sehingga 9,000	Sehingga 9,000
4	Pemindahan Perubatan Kecemasan (sehingga)	1,000,000	1,000,000
5	Penghantaran Balik Perubatan (sehingga)		
6	Penghantaran Balik Jenazah (sehingga)		
Seksyen B – Perlindungan Kesulitan Perjalanan			
7	Pembatalan Perjalanan (sehingga)		
7A	Pembatalan Perjalanan	NA	20,000
7B	Perubahan Perjalanan	NA	20,000
8	Pemendekan Perjalanan (sehingga)	NA	20,000
9	Gangguan Perjalanan (sehingga)	NA	1,000
10	Kelewatan Perjalanan – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM150 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	Luar negara Sehingga 3,600 dalam Malaysia Sehingga 450	Luar negara Sehingga 7,200 dalam Malaysia Sehingga 900

11	Kelewatan Bagasi – lebih daripada 6 jam berturut-turut (RM200 bagi setiap 6 jam berturut-turut)	Luar negara Sehingga 800 dalam Malaysia Sehingga 200	Luar negara 1,600 dalam Malaysia Sehingga 400
12	Bagasi & Barangan Peribadi (sehingga) <i>Sub-had bagi Manfaat 12:</i> (i) Mana-mana satu (1) barangan atau Pasangan atau Set Barangan (ii) Komputer Peribadi Mudah Alih (iii) Bagasi	1,000 100 200 50	3,000 300 600 150
13	Wang Peribadi dan Dokumen Perjalanan (sehingga)	1,000	3,000
14	Kecurian Kad Kredit Peribadi (sehingga)	1,000	3,000
15	Manfaat Penjagaan Rumah (sehingga)	NA	3,000
16	Lebih Sewa Kereta (sehingga)		
16A	Lebih Kereta	NA	3,000
16B	Pemulangan Kereta	NA	Termasuk dalam 16A
17	Perlindungan Khas (i) berumur 30 hari hingga 17 tahun (ii) berumur 18 tahun hingga 85 tahun	25,000 100,000	75,000 300,000
18	Bantuan Perjalanan	Termasuk	Termasuk
Seksyen C – Manfaat Covid-19 (pilihan)			
19	Pembatalan Perjalanan akibat Covid-19 (sehingga)	NA	20,000
20	Perbelanjaan Perubatan Luar Negara akibat Covid-19 (sehingga)	50,000	100,000
21	Kematian akibat Covid-19	10,000	10,000

Nota: Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk keterangan penuh atas manfaat, terma, syarat dan pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

4. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Caruman yang perlu anda buat berlainan dan bergantung kepada tempoh perjalanan dan jenis perlindungan. Sila rujuk kepada "Helaian Jadual Caruman Z-Travel Takaful (International) Lite".

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Jenis	Jumlah
i. Yuran Wakalah	: 43.5% daripada caruman
- *Komisen	: - 25% daripada caruman
- Perbelanjaan Pengurusan	: - 18.5% daripada caruman
ii. Duti Setem (jika berkenaan)	: RM 10.00

*Nota: Jika anda menyertai secara terus dengan kami, rebat sebanyak 25% daripada caruman akan pakai dan bukannya komisen.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- Keperluan pendedahan** – anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda termasuk maklumat perjalanan anda yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan sijil perjalanan yang anda sertai daripada pengendali takaful lain.
- Kaedah Caruman** - Caruman boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada kami.
- Keperluan penyimpanan resit dan Terma & Syarat Penting Lain:** Sila rujuk pautan ini: <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>
- Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Kontrak Takaful Bukan Pengguna** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tunai Sebelum Perlindungan** – Sebagai syarat khas asas dan mutlak kontrak takaful ini, caruman yang perlu dibuat mestilah dibuat dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan takaful berkuat kuasa.
- Prosedur Tuntutan** – Pemberitahuan melalui pemberitahuan web: <https://web.edge.zurich.com.my/login> atau notis bertulis hendaklah diberikan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian berlaku.
- Jumlah Maksimum Yang Dilindungi** – Jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat ialah had dan sub-had maksimum yang akan kami bayar atau bayar balik mengikut jenis perlindungan anda bagi setiap Orang Yang Dilindungi. Jika anda telah memilih:

- i. Perlindungan Individu dan Pasangan, kami akan, secara keseluruhan untuk semua Orang Yang Dilindungi, membayar atau membayar balik sehingga maksimum dua ratus peratus (200%) daripada had dan sub-had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap manfaat, kecuali bagi manfaat berikut, had hendaklah dikekalkan sebagai had bagi setiap seorang; dan
- ii. Perlindungan Keluarga, kami akan, secara keseluruhan untuk semua Orang Yang Dilindungi, membayar atau membayar balik sehingga maksimum tiga ratus peratus (300%) daripada had dan sub-had yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk setiap manfaat, kecuali bagi manfaat berikut, had hendaklah dikekalkan sebagai had bagi setiap seorang.

MANFAAT 1 – Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

MANFAAT 3 – Pendapatan Hospital Luar Negara

MANFAAT 17 – Perlindungan Khas

MANFAAT 21 – Kematian akibat Covid-19

• **Tempoh Perjalanan Maksimum**

- i. Perjalanan Tunggal – Setiap perjalanan hendaklah tidak melebihi dua ratus (200) hari berturut-turut; dan
- ii. Perjalanan Tahunan – Setiap perjalanan hendaklah tidak melebihi seratus (100) hari berturut-turut.

• **Kelayakan** – Syarat-syarat berikut mestilah dipenuhi supaya Anda layak bagi perlindungan di dalam produk ini.

- 1 pada masa mengatur perjalanan dan/atau menyertai takaful ini, anda mestilah sihat dari segi perubatan dan tiada sebarang punca daripada anda menyedari keadaan yang mungkin menimbulkan tuntutan di dalam sijil anda;
- 2 pada masa penyertaan takaful, tiada sebarang punca daripada anda sudah meninggalkan Malaysia untuk sebarang perjalanan yang akan dilindungi oleh sijil anda;
- 3 perjalanan anda mestilah diatur semata-mata untuk tujuan riadah dan perniagaan. Bagaimanapun, jika anda telah memilih Perjalanan Tahunan, kami akan mengecualikan sebarang perjalanan di mana anda melakukan perjalanan setiap hari atau selama lebih daripada empat kali (4) sebulan ke negara jiran yang sama untuk tujuan pekerjaan atau perniagaan;
- 4 pada masa penyertaan takaful ini dan ketika dalam perjalanan, anda mestilah warga Malaysia, atau bukan warga Malaysia yang mempunyai status pemastautin tetap, permit kerja yang sah, permit pelajar yang sah atau status Malaysia Rumah Keduaku (MM2H);
- 5 perjalanan mestilah bermula dari Malaysia;
- 6 anda mestilah balik ke Malaysia pada akhir perjalanan anda (tidak berkenaan dengan Perjalanan Sehalu); dan
- 7 had umur (semua umur merujuk kepada umur pada hari lahir anda berikutnya);
 - i. jika anda dilindungi di bawah Perlindungan Individu, Perlindungan Individu dan Pasangan atau Perlindungan Keluarga, anda mestilah berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh puluh (70) tahun;
 - ii. jika anda dilindungi di bawah Perlindungan Warga Emas, anda mestilah berumur antara tujuh puluh satu (71) hingga lapan puluh lima (85) tahun;
 - iii. jika anda merupakan Anak yang dilindungi di bawah Perlindungan Keluarga, anda mestilah berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh belas (17) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun jika masih belajar sebagai pelajar sepenuh masa pada permulaan perjalanan; dan
 - iv. jika anda dilindungi di bawah Perjalanan Tahunan, anda mestilah berumur tiga puluh (30) hari hingga tujuh puluh (70) tahun.

• **Pengurusan Jumlah Kecil** – Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada kebajikan. Bagaimanapun, jika anda membuat keputusan sebaliknya, anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah kami.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

7. Apakah pengecualian utama di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi:

- Peperangan atau tindakan Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak;
- Penyertaan langsung anda dalam mogok, rusuhan dan kekacauan atau kebangkitan awam;
- Pembunuhan atau serangan disebabkan provokasi anda, rakan perjalanan anda atau ahli keluarga anda, kecederaan disengajakan, bunuh diri atau percubaan membunuh diri sama ada dalam keadaan siaman atau tidak siaman;
- Pendedahan anda, rakan perjalanan atau ahli keluarga anda kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha menyelamatkan nyawa manusia);
- Jika satu (1) daripada sebab bagi perjalanan anda adalah mendapatkan rawatan perubatan di luar negara, pemvaksin, pemeriksaan, penjagaan atau nasihat perubatan tidak kira sama ada ini merupakan tujuan tunggal atau utama perjalanan anda;
- Keadaan sedia ada (tidak berkenaan dengan Manfaat 6);
- Epidemik dan/atau pandemik (tidak berkenaan dengan Seksyen C – Manfaat Covid-19);
- Tindakan keganasan (tidak berkenaan dengan Manfaat 7, 8, 9, 10 dan 17);
- Kejadian atau keadaan di mana anda sedar atau sewajarnya sedar semasa penyertaan takaful atau menempah perjalanan anda (yang mana berlaku kemudian) yang boleh dijangkakan dengan sewajarnya akan menyebabkan tuntutan di bawah sijil ini;
- Anda tidak mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan selepas terdapat amaran media massa tentang mogok, rusuhan, cuaca buruk atau keadaan lain;
- Sebarang keadaan yang sedia ada atau diketahui kepada orang ramai sebelum anda menempah perjalanan; dan
- Mendaki gunung atau sebarang aktiviti di paras melebihi tiga ribu (3,000) meter (tidak berkenaan dengan Manfaat 17).

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

- i. Perjalanan Tunggal dan Perjalanan Sehalu – pembatalan tidak dibenarkan setelah Jadual Sijil dikeluarkan.
- ii. Perjalanan Tahunan – Pemilik Sijil boleh, pada bila-bila masa, membatalkan Sijil ini, dan oleh itu kami akan mengekalkan kadar tempoh singkat lazim sepanjang Sijil berkuat kuasa, dengan syarat tiada tuntutan telah atau akan dikemukakan oleh pihak Pemilik Sijil (sila rujuk kepada kontrak sijil untuk skala kadar tempoh singkat).

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran maklumat/peribadi termasuk penamaan dan butiran perjalanan yang akan mempengaruhi profil risiko. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di callcentre@zurich.com.my.

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang produk ini, sila rujuk kepada risalah maklumat takaful yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3,

No. 3, Jalan Bangsar,

KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur,

Malaysia.

Tel: 603-2109 6000 Faks : 603-2109 6888

Emel: callcentre@zurich.com.my

11. Jenis Perlindungan Perjalanan lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada ejen / perunding anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN BERKENAAN SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU BERKENAAN SIJIL PERJALANAN YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan ini sah mulai 01 Mac 2025 sehingga ulang kaji dikeluarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

